

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 Jld. 2 (15)

Tarikh : 21 Mac 2019

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan,

PEKELILING MQA BIL. 4/2019

CAJ PERKHIDMATAN BERHUBUNG PERMOHONAN PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN KELAYAKAN YANG TERSENARAI DALAM ESISRAF DAN MALAYSIAN QUALIFICATIONS REGISTER (MQR)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Pekeliling Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) Bil. 3/2017 – MQA sebagai Badan Pengiktirafan Kelayakan bertarikh 25 Ogos 2017.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, urusan pengiktirafan kelayakan dilaksanakan oleh MQA kecuali bagi maksud pelantikan dalam Sektor Perkhidmatan Awam yang diuruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk diterima pakai oleh Pihak Berkuasa Melantik (PBM).

3. Mulai Januari 2017, semakan terhadap program-program yang diberi pengiktirafan Kerajaan Malaysia boleh dibuat di Daftar Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Register, MQR) manakala semakan terhadap program-program yang diberi pengiktirafan Kerajaan Malaysia sebelum Januari 2017 boleh dibuat menerusi Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (eSisraf).

4. Maklumat yang diperolehi melalui semakan terus di MQR dan eSisraf boleh digunakan oleh pihak JPA dan PBM seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) untuk tujuan pelantikan dalam Perkhidmatan Awam atau apa-apa tujuan lain yang berkaitan. Individu yang berkepentingan juga boleh menggunakan maklumat tersebut tanpa memerlukan surat pengesahan pengiktirafan kelayakan individu daripada MQA untuk disertakan bersama dengan borang permohonan jawatan kosong.

5. Walau bagaimanapun, pengeluaran surat pengesahan pengiktirafan kelayakan yang tersenarai dalam MQR dan eSisraf oleh pihak MQA boleh dipertimbangkan berdasarkan permohonan dengan dikenakan caj perkhidmatan yang telah ditetapkan. Ini adalah selaras dengan Seksyen 7(2)(e) Akta Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) 2007 [Akta 679] yang menetapkan bahawa MQA boleh mengenakan fi atau apa-apa caj lain yang disifatkannya patut bagi perkhidmatan yang telah dilaksanakan.

6. Berikut merupakan caj yang ditetapkan bagi kelayakan yang telah tersenarai dalam eSisraf dan MQR:

Bil.	Senarai Kelayakan	Caj (RM)	
		Individu	Lain-Lain
1.	Tersenarai Termasuk kelayakan yang disenaraikan dalam <i>Universities and Colleges Admissions Service (UCAS)</i> , <i>Commonwealth Register of Institutions and Courses for Overseas Students (CRICOS)</i> dan <i>New Zealand Qualifications Authority (NZQA)</i> .	100.00	100.00

7. Caj perkhidmatan berhubung pengesahan pengiktirafan kelayakan seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling ini **berkuat kuasa mulai 01 April 2019**. Tatacara permohonan boleh dirujuk di portal MQA.

8. Pihak MQA berharap agar semua pihak mengambil maklum mengenai kadar caj perkhidmatan tersebut dan mematuhi ketetapan pembayaran dalam melancarkan proses pengesahan pengiktirafan kelayakan yang dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED)

E-mel: rahmah@mqa.gov.my

s.k.:

1. Pengarah
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Jabatan Perkhidmatan Awam
Aras 4, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
2. Pengarah
Bahagian Pembangunan Organisasi
Jabatan Perkhidmatan Awam
Aras 8 – 10
Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62520 W.P. PUTRAJAYA
3. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengambilan Guru
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
Aras 2, Blok B3
Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62520 W.P. PUTRAJAYA
4. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengambilan
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Aras 6-10, Blok C7, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62520 W.P. PUTRAJAYA
5. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
6. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

7. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 5, Galeria PJH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA

8. SUSK YB Menteri Pendidikan
Pejabat Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

9. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR

10. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR

11. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang
26600 PEKAN, PAHANG DARUL MAKMUR

12. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik &
Antarabangsa) (JKTNCRA IPTA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Tingkat 9, Canselori
Universiti Malaya
50603 KUALA LUMPUR